

# Perspektif Kajian Kepimpinan and Keusahawanan Islam

Harry Ramza

Persatuan Pelajar Indonesia  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia  
43600, UKM – Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
Telp: +6013 3716 332, E-mail: hramza@ppiukm.com

---

**Abstrak** – Perbincangan didalam seminar – seminar atau dakwah – dakwah yang sedia ada telah memperkuat keyakinan kita bahawa pergerakan atau perjuangan dakwah Islam di serantau nusantara, baik dibidang pemikiran dan aqidah Islam mahupun pergerakan massa (mass mobilization), begitu juga dibidang ibadat serta dakwah secara umum – kesemuanya ini memerlukan penyelidikan yang lebih bersungguh – sungguh. Penyelidikan yang bersungguh – sungguh tidak sahaja perlu untuk mengkaji strategi pengemblengan massa tetapi perlu mengkaji hala tuju massa atau umat itu hendak dikerahkan atau digemblengkan. Adakah umat Islam hendak digemblengkan kedalam urusan – urusan iktisad ?, atau ibadat ? ataupun siasah ?, ataupun ketiga unsur – unsur yang disebutkan dan unsur – unsur lain yang relevan diberikan pertimbangan yang wajar dalam usaha mengemblengkan umat Islam. Adalah dipercayai bahawa jika penyelidikan dilakukan, maka dengan sendirinya akan membangkitkan kesedaran bahawa pergerakan atau perjuangan umat Islam sekarang tidak akan memadai dengan syarahan – syarahan, seruan dakwah dan kecaman yang terlihat seperti melepaskan geram atau memenuhi naluri berpidato ini sahaja. Sebaliknya disamping pidato yang menggelorakan semangat, pergerakan Islam kini memerlukan cadangan perencanaan jangka pendek dan perencanaan jangka panjang. Seperti yang telah dicontohkan dalam jangka panjang tentang pengkajian usaha menyelaraskan dakwah kepimpinan dalam bidang pengkajian dan penyelidikan dalam tafsiran Al-Quran, serta pengkajian dan mewujudkan satu model sistem ekonomi Islam. Kita sedari juga betapa perlunya pergerakan kepimpinan dan keusahawanan Islam mengadakan penilaian kembali (re-evaluation) setiap kegiatan dari semasa ke semasa serta strategi – strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat yang diperjuangkan. Tidaklah memadai jika matlamat yang hendak dituju dengan ungkapan yang terlalu umum seperti “Menerapkan syariat Allah di bumi”. Serta yang paling penting ialah melakukan kritikan terhadap diri sendiri (self criticism) secara jujur dan ikhlas supaya dari semasa ke semasa kesilapan yang diperbuat dapat diinsafi dan dibetulkan manakala kualiti dan hasil amalan dapat diperbaiki pula.

**Kata kunci:** Kepimpinan, keusahawanan, model sistem ekonomi, ekonomi Islam.

---

## I. Pendahuluan

Kita lebih banyak mendengar terutama dalam majlis yang membincangkan “Islam dan Kepimpinan” merupakan suatu kecaman dan seruan cerita tentang keagungan kepimpinan Islam di seluruh nusantara pada masa silam. Bahaya yang mungkin timbul dari seumpama ini ialah jika nanti kita mendapatkan prespektif atau gambaran yang keliru mengenai diri atau jati diri dan agama Islam yang kita fahamkan dan anuti.

Hasil dari perspektif yang keliru, maka akibat yang timbul ialah hilangnya atau tidak adanya keseimbangan dalam mengukur kekuatan dan kelemahan diri sendiri serta kesilapan tanggapan dalam mengukur kekuatan dan kelemahan musuh. Dan yang paling malang ialah kita tidak mengetahui atau terkeliru dalam membezakan siapa kawan dan siapa lawan.

Sehubungan dengan ini, kita dapat merenungkan kutipan daripada Dr. Alfian bertajuk “Cendekiawan dalam masyarakat Aceh” pada majalah Prisma bulan November 1976, pakar sains politik yang berasal dari Minangkabau dan terdidik di Universiti Wisconsin, Amerika Syarikat menuliskan;

*Semangat tinggi belumlah cukup untuk menjamin keselamatan sesuatu masyarakat. Ia masih memerlukan faktor – faktor lain yang tidak kalah pentingnya. Keberhasilan Belanda melumpuhkan perlawanan dan menegakkan kekuasaan di Aceh sangat ditentukan oleh kelebihan mereka dalam faktor – faktor lain. Salah satu daripadanya ialah kelebihan mereka dalam bidang teknologi yang telah memungkinkannya mereka mempunyai persenjataan serta kelengkapan ketenteraan yang lebih ampuh. Kelebihan lain lagi ialah dalam bidang Ilmu Pengetahuan, termasuk ilmu pengetahuan sosial. Sebagaimana diketahui dalam usaha untuk mematahkan bantahan rakyat Aceh, Belanda secara khusus mengirinkan seorang sarjana ilmu sosialnya yang amat ternama C. Snouck Hurgronje.*

Seperti yang dituliskan Dr. Alfian, jika musuh (Belanda) menggunakan intelektualnya yang berpengetahuan Islam untuk melumpuhkan benteng pertahanan Islam di Aceh, tentu sahaja golongan intelektual Islam mempunyai peranan yang penting untuk menangkis serangan musuh dalam bidang Ilmu Pengetahuan. Oleh kerana itu, sangatlah bijak untuk mengelakkan perbuatan yang memberikan kesan *alienation* (rasa tersingkirkan). Rasa tersingkirkan disebabkan oleh sindiran – sindiran yang tidak patut ataupun prasangka – prasangka sahaja.

Dari ucapan yang dituliskan diatas dapat diambil manfaat bahawa didalam keasyikan kita menggelorakan semangat tentang keagungan dan keistimewaan Nabi Muhammad SAW serta keagungan dan kelebihan Islam dari segi normatif, kita janganlah lupa tentang betapa sistematisnya golongan musuh dalam usaha mereka hendak menghancurkan umat Islam di serantau nusantara ini. Keagungan dan keistimewaan Nabi Muhammad SAW boleh dikatakan mendapat pengiktirafan secara universal. Bukan sebagai orang Islam, malah orang bukan Islam telah mengumpulkan kajian – kajian.

Beberapa tokoh bukan Islam mengatakan; Nabi Muhammad SAW sebagai seorang pemimpin “*who made the greatest impact through the ages*” (yang maha besar kesan pengajaran dan peninggalan sepanjang zaman), diucapkan oleh James Gavin serta Professor Dr. William McNeil. Begitupula dengan seorang penganalisa ilmu jiwa (*psychoanalyst*) menjelaskan lebih kurang seperti dibawah ini,

*Para pemimpin mestilah memenuhi tiga fungsi – pertama, memberikan kesejahteraan kepada orang yang mereka pimpin. Kedua, mewujudkan organisasi sosial (satu sistem bermasyarakat) yang memberikan rasa terjamin kepada para anggotanya. Ketiga, memberikan para pengikutnya satu sistem kepercayaan. Tokoh seperti Pasteur dan Salk adalah pemimpin yang termasuk dalam golongan pertama. Para pemimpin seperti Gandhi, Confucius di satu pihak, dan Iskandar, Caesar dan Hitler di pihak lain adalah termasuk dalam golongan kedua dan mungkin juga golongan ketiga. Nabi Isa dan Buddha termasuk dalam golongan yang ketiga sahaja. Nabi Muhammad SAW yang sekaligus memenuhi ketiga – tiga fungsi tersebut. Demikian pula dengan Nabi Musa (Moses) tetapi tidaklah seagung Nabi Muhammad.*

Dalam hal yang lain, corak kepimpinan yang diperlukan oleh sesuatu masyarakat adalah bergantung kepada masalah dihadapinya. Seperti masalah ancaman penduduk (penaklukan) tentera asing di Turki dan di Perancis memerlukan pemimpin dengan latar belakang ketenteraan seperti Kemal Ataturk dan Jeneral De Gaulie. Penyatuan negara Jerman memerlukan kemahiran seorang diplomat Bismarck. Perjuangan negara – negara terjajah di Afrika dan Asia memerlukan tokoh agitator dengan kepandaian berpidato seperti Nkrumah dan Ir. Soekarno. Dari kesemua ini, membuat kita bertanya; “Apakah jenis pemimpin atau pimpinan yang kita perlukan untuk menghadapi masalah kemunduran atau kemerosotan ekonomi dan persatuan Bangsa Melayu di serantau nusantara ini?”. Soalan – soalan ini yang sepatutnya dijawab oleh kita bersama.

Sebuah kerangka kerja (Framework) yang boleh menjawab soalan tersebut ialah berasaskan pendapat Professor Rustow yang mengtakrifkan kepimpinan sebagai berikut; “Kepimpinan ialah suatu proses pengantaraan yang rumit antara peribadi pemimpin, harapan orang yang dipimpin, keadaan sekeliling serta serangkaian matlamat yang hendak dituju”. Sedangkan unsur – unsur lain yang bersangkutan dengan kepribadian pemimpin (*leader personality*), harapan orang yang dipimpin (*followers expectations*), seperangkat matlamat (*set of goals*), pertalian ketiga unsur – unsur ini dan strategi untuk mencapai matlamat – matlamat haruslah mendapat perhatian langsung.

Untuk kerangka kerja pemimpin terbagi dalam dua kepelbagaian bentuk pemimpin merujuk daripada Al-Quran iaitu :

1. Pemimpin orang yang beriman ditakrifkan sebagai pemimpin yang selalu menolong dan mengajak orang – orang beriman untuk mendirikan shalat dan menunaikan zakat serta mengajak orang – orang beriman untuk tunduk kepada Allah SWT. Seperti yang telah dijelaskan dalam Al-Quran dalam Surat Al-Maidah Ayat 55 dan 56.

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾

55. Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan shalat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (kepada Allah).

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ ﴿٥٦﴾

56. Dan barangsiapa mengambil Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, Maka Sesungguhnya pengikut (agama) Allah [1] Itulah yang pasti menang.

Pada ayat 56 [1] diatas mengatakan bagi orang – orang yang menjadikan Allah SWT, Rasul-Nya dan orang – orang yang beriman sebagai penolongnya bermakna sebagai pemimpin.

2. Pemimpin yang menyesatkan ditakrifkan sebagai pemimpin yang selalu mengajak orang – orang beriman untuk tidak tunduk segala perintah Allah SWT dan Rasul-Nya. Kita dapat melihat penjelasan dalam Al-Quran pada surat Al-Ahzab ayat 67 dan 68 dibawah ini.

وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبْرَاءَنَا فَأَصَلُّنَا السَّبِيلًا ﴿٦٧﴾

67. Dan mereka berkata: "Ya Tuhan kami, Sesungguhnya kami Telah mentaati pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan (yang benar).

رَبَّنَا إِنَّا أَلَمَّا لَمْنَا كُفْرًا كَبِيرًا ﴿٦٨﴾

68. Ya Tuhan kami, timpakanlah kepada mereka azab dua kali lipat dan kutuklah mereka dengan kutukan yang besar".

## II. Keusahawanan Islam.

Keusahawanan ditakrifkan sebagai satu proses pewujudan dan pengembangan perniagaan secara berterusan yang menyumbang kepada proses pembangunan ekonomi sesebuah negara. Keusahawanan dalam perspektif Islam dihubungkan kepada *halalan thayiban*.

Keusahawanan menurut perspektif Islam boleh didefinisikan sebagai mana-mana aktiviti pekerjaan yang diusahakan secara perniagaan oleh seseorang sama ada dengan menghasilkan sesuatu barangan atau memberi sesuatu perkhidmatan bagi memperoleh rezeki yang halal iaitu dengan cara yang tidak bertentangan dengan syariah.

Didalam Islam, usahawan ditakrifkan sebagai orang yang mendapat ganjaran pahala yang berlipat kali ganda daripada Allah SWT, kerana mencukupkan atau memenuhi kepentingan masyarakat juga kerana berjayanya mengamalkan nilai dan etik Islam dalam aktifitas usaha mereka. Masalah ini sesuai dengan firman Allah SWT mengatakan,

Surat Al Fatir Ayat 29

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْتَجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

29. Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan shalat dan menafkahkan sebahagian dari rezki yang kami anuge rahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi.

Tanggungjawab untuk mengamalkan sistem ekonomi Islam sepertimana yang telah ditetapkan oleh syariat Islam selalunya dipikul oleh usahawan Islam. Islam tidak memerintahkan umatnya untuk menjatuhkan orang lain atau umat Islam serta umat bukan Islam. Aspek yang paling penting ialah memelihara kebajikan untuk semua pihak sama ada dari pihak pengurusan, pegawai atau pemilik harta.

Surat An Nisa' Ayat 29.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَأْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ  
مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا اَنْفُسَكُمْ ۚ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيْمًا ﴿٢٩﴾

29. Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. dan janganlah kamu membunuh dirimu[2]; Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.

Didalam ayat [2] diatas mengatakan larangan membunuh diri sendiri mencakup juga larangan membunuh orang lain, sebab membunuh orang lain bererti membunuh diri sendiri. Kerana umat Islam merupakan satu kesatuan..

### III. Kepimpinan didalam Keusahawanan Islam

Kepimpinan didalam keusahawanan Islam hendaklah dimulai dengan yang kecil dan meningkatnya sedikit demi sedikit. Seseorang yang belum pernah memimpin perlu mencuba mempengaruhi orang lain. Orang yang telah memiliki pengaruh harus mencuba membangun suatu kumpulan kerja (*Team Work*) serta dimulai dengan hal – hal yang dianggap penting, kemudian melakukan apa yang boleh dikerjakan dan tiba – tiba kita akan mampu mengerjakan apa – apa yang tidak mungkin kita kerjakan.

Tanggung jawab kecil yang kita miliki sekarang merupakan taklukan kepimpinan besar pertama yang harus kita lakukan. Janganlah pernah kita mencuba menaklukan dunia sebelum kita menyelesaikan masalah – masalah kecil didalam diri kita. Didalam memimpin kumpulan, jadikan standar ini sebagai panduan ketika berbincang dengan orang yang dipimpin;

1. Tetaplah konsisten (Istiqamah). Ahli kumpulan akan frustasi pada pemimpin yang tidak mampu membuat keputusan. Pekerja – pekerja syarikat akan mensokong anda, kerana mereka yakin boleh bertumpu dan ucapan kepada anda.
2. Berkomunikasi dengan jelas. Kumpulan tidak akan dapat melaksanakan cadangan anda, jika tidak tahu apa yang kita kehendaki. Jangan pula menyilaukan sesiapaapun dengan kecergasan anda. Buatlah sesiapa sahaja melihat dengan kejujuran anda.
3. Jagalah adab dan kesopanan. Setiap orang berkelayakan diperlakukan dengan santun, apapun posisi orang itu dan bagaimana riwayat anda dengannya. Dengan bersifat sopan terhadap orang, kita akan membawa keselarasan bagi organisasi atau perniagaan secara keseluruhan.

Jangan lupa, apabila kita sebagai pemimpin, komunikasi hendaknya harus boleh menciptakan keselarasan interaksi antara orang – orang yang kita pimpin tersebut. Komunikasi pemimpin yang baik bukanlah komunikasi satu arah bukan pula bergaya diktator melainkan pula pemimpin yang akan mendengarkan, mengajak dan mendorong participation ahli kumpulan.

Ukuran kepimpinan yang sejati tidak lebih dan tidak kurang ialah kemampuan persuasive atau mempengaruhi. Kepimpinan yang sejati tidak boleh diputuskan, ditunjuk atau ditugaskan. Kepimpinan hanya bersumber dari kemampuan persuasive dan hal ini tidak dapat diperintah. Kemampuan itu harus diupayakan. Ada beberapa faktor – faktor yang berperan dalam kemampuan persuasive daripada pemimpin – pemimpin syarikat;

1. Karakter – Siapa mereka.
2. Hubungan – Siapa sahaja yang mereka kenal.
3. Pengetahuan – Apa yang mereka ketahui.
4. Intuition – Apa yang mereka rasakan.
5. Pengalaman – dimana sahaja mereka berada.
6. Keberhasilan masa lalu – Apa yang telah mereka lakukan.
7. Kemampuan – Apa yang dapat mereka lakukan.

Ada peribahasa kepimpinan iaitu “ Orang yang menyangka ia sedang memimpin, tetapi tidak memiliki pengikut, ia adalah seseorang yang sedang berjalan – jalan”. Jika kita tidak mampu mempengaruhi orang, mereka tidak akan mengikuti anda. Dan jika orang tidak mahu ikut, kita ini bukanlah seorang pemimpin sebuah pertubuhan (organization) ataupun syarikat.

#### IV. Kesimpulan

Didalam kepemimpinan, setidak – tidaknya ada dua perkara yang boleh dilakukan oleh pemimpin yang bijaksana; Pertama, memastikan bahawa hasrat atau keinginan rakyat adalah hasrat yang sihat dari segala aspek kehidupan Islam dan Kedua, berusaha untuk mencapai hasrat tersebut.

Banyak orang melakukan evaluasi dalam kehidupan berasaskan impaknya secara peribadi. Setiap pemimpin berfikir dalam konteks yang lebih luas, dimulai dengan bertanya pada diri sendiri; Bagaimana hal ini akan mempengaruhi orang – orang yang saya pimpin?, tetapi mereka juga melihat bagaimana sesuatu akan mempengaruhi orang – orang diatas dan disamping mereka.

Pemimpin yang efektif dalam sebuah pertubuhan sosial dan syarikat akan mesti mengetahui atas pertanyaan – pertanyaan berikut ini;

1. Bagaimana saya menyesuaikan diri dalam bidang atau *department* saya ?.
2. Bagaimana semua *department* menyesuaikan diri dalam pertubuhan ?.
3. Dimana posisi yang sesuai bagi pertubuhan kami dipasaran ?.
4. Bagaimana pasar kami berhubungkait dengan industri lain dan ekonomi ?.

Sementara industri – industri dalam ekonomi kita menjadi lebih global, banyak pemimpin cergas yang berfikir lebih global lagi. Kita tidak perlu menjadi pakar ekonomi global untuk dapat memimpin secara efektif dari jawatan menengah pertubuhan. Secara intinya, pemimpin 360 darjah melihat bidang mereka sebagai bagian daripada proses yang lebih besar itu sesuai satu dengan lainnya. Jika anda ingin menjadi pemimpin pertubuhan atau syarikat yang lebih baik, perluaskan minda (fikiran) anda dan pandang kepelbagaian hal dari perspektif Islam dan global.

#### Rujukan

- [1] F. Abdullah, “*Kepimpinan Melayu satu rakaman kewartawan*”, Siri Ekonomi dan Politik Fajar Bakti, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, Malaysia (1985).
- [2] HAMKA, “*Falsafah hidup*”, Ed. 14, Penerbit Pustaka Panjimas, Jakarta, Indonesia (1994).
- [3] A. M. A. Ghani dan N. A. Kamri, “*Pembiayaan Keusahawanan Mengikut Prinsip Islam: Suatu Tuntutan Jihad*”, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, API – Universiti Malaya, 6hb September (2005).
- [4] J. C. Maxwell, “*The Maxwell daily reader*”, 3<sup>rd</sup> Ed, Terj. P.A. Rajoe., Penerbit Buana Ilmu Populer, Jakarta, Indonesia (2012).